

UNTUK SIARAN SEGERA

18 NOVEMBER 2020

## UEM Edgenta Tawar Perkhidmatan Ujian Saringan COVID-19 yang Diluluskan oleh KKM untuk Kemudahan Perniagaan dan Individu

**KUALA LUMPUR, 18 November** – Anak syarikat UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) di bahagian *Healthcare Support*, Edgenta UEMS Sdn. Bhd. (“Edgenta UEMS”) kini menawarkan kemudahan kepada perniagaan dan individu untuk melakukan ujian pemeriksaan COVID-19 secara pandu lalu dan di pusat-pusat saringan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”).

Perkhidmatan ujian saringan menawarkan pilihan penyelesaian yang mudah dan diyakini, di mana pelanggan boleh memilih sama ada membuat ujian saringan menerusi perkhidmatan pandu lalu di Petaling Jaya, Selangor, atau hadir ke pusat-pusat saringan. Waktu operasi perkhidmatan pandu lalu adalah antara jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang, setiap hari Isnin hingga Sabtu. Pelanggan boleh mengatur temu janji untuk hadir ke pusat-pusat saringan berdasarkan ketersediaan pasukan.

“Melangkah ke hadapan dalam kehidupan norma baharu ini, ujian saringan COVID-19 akan menjadi aspek penting dalam kehidupan kita sepanjang penularan wabak ini. Dengan menyediakan pilihan yang mudah diakses dan tidak rumit dalam pasaran akan membolehkan perniagaan dan aktiviti ekonomi dapat dipacu, memberi jaminan kepada pihak berkepentingan agar dapat beroperasi dengan selamat dalam ekosistem baharu ini. Edgenta UEMS menyediakan kemudahan kepada perniagaan untuk memanfaatkan kepakaran kami dalam perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan,” kata Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

Perniagaan dan individu boleh memilih salah satu daripada dua jenis prosedur ujian saringan - **Rapid Test Kit (“RTK”)**, yang dilakukan pada sampel darah untuk mengesan kehadiran antibodi terhadap coronavirus dan bukan virus; atau ujian **Polymerase Chain Reaction (“PCR”)**, yang diiktiraf ‘*Gold Standard*’ oleh KKM untuk ujian saringan COVID-19. Keputusan ujian saringan RTK akan diperolehi dalam masa 45 minit sementara keputusan ujian PCR akan mengambil masa sehingga 48 jam. Edgenta UEMS turut menyokong dan bekerjasama dengan makmal klinikal tempatan di Malaysia dalam menawarkan ujian saringan tersebut.

“Ujian saringan COVID-19 yang dilakukan secara menyeluruh dan berpandukan protokol keselamatan yang ketat adalah strategi yang terbukti untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Syarikat mengambil peluang ini untuk memperluaskan penawaran perkhidmatan ujian saringan berikutan peningkatan kes positif di Lembah Klang baru-baru ini, bagi membantu negara menghadapi norma baharu dengan lancar dan memastikan kehidupan yang sejahtera kepada individu dan juga keluarga mereka. Hubungi kami untuk mengetahui lebih lanjut mengenai ujian saringan pandu lalu atau ujian saringan di pusat-pusat saringan,” tegas Syahrudin.

Layari laman web UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) untuk maklumat lebih lanjut.

-Siaran Media Tamat-

**Untuk maklumat lanjut berkaitan saringan Edgenta UEMS, sila hubungi:**

1. Normah Jaafar | 016-231 8506
2. Ezuana Jaaffar | 011-2622 1344
3. Nursyafikah Syahiza | 012-497 7330

**Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

---

Dikeluarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh seperti yang disenaraikan di atas. Sila hubungi Juliana Jamaluddin ([juliana\\_jamaluddin@edgenta.com](mailto:juliana_jamaluddin@edgenta.com) / 012 340 9438) jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan.